

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkaitan butiran terperinci membabitkan kawasan tanah jerlus di Jalan Masjid India di sini.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Sulizme Affendy Sulaiman berkata, perbincangan itu dilakukan pagi semalam bagi DBKL memberikan butiran lanjut berkaitan kawasan yang terbabit kerja pembaikan.

“Pagi ini (semalam) kami ada perbincangan

KERJA PEMBAIKAN

Polis buat perbincangan dengan DBKL

dengan DBKL untuk mereka berikan butiran lanjut kawasan yang dilakukan kerja pembaikan.

“Setakat ini, tiada keperluan menempatkan anggota polis (di lokasi kejadian),” katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak melalui kawasan ditutup atas faktor keselamatan.

Kelmarin, media mela-

porkan operasi mencari dan menyelamatkan wanita warga India, G Vijaya Lakshmi, 48, yang terjatuh

dalam kejadian tanah jerlus di Masjid India di sini pada 23 Ogos lalu dihentikan atas faktor kesela-

matan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, tindakan selanjutnya di lokasi kejadian tanah jerlus di Masjid India itu diteruskan dengan proses pemulihan (*search and recovery*).

Ia diserahkan kepada PDRM kerana terdapat beberapa perkara yang perlu

dilakukan pihak DBKL.

Antaranya, pemetaan utiliti dan kajian struktur tanah yang dilaksanakan di seluruh Kuala Lumpur.

“Selain itu, sesi libat urus antara peniaga juga dilaksanakan bagi menyambung kembali aktiviti di kawasan terbabit dan DBKL juga diminta melakukan kerja pembaikan semula. Kawasan dari Pintu Gerbang sehingga ke Pasaraya Mydin dengan jarak 100 meter dipastikan tidak dilalui pengunjug bagi kerja pemulihan dan pembinaan semula,” kata beliau.

“Pagi ini (semalam) kami ada perbincangan dengan DBKL untuk mereka berikan butiran lanjut kawasan yang dilakukan kerja pembaikan”

*Ketua Polis Dang Wangi,
Sulizme Affendy Sulaiman*